

<p class="MsoNormal" style="margin-bottom: 0.0001pt; text-indent: 36pt; line-height: normal; background: white none repeat scroll 0% 0%;">Bolehkah tuntutan ganti rugi dibuat sekiranya tiada kad warranty</p> Di Malaysia, remedi bagi barangan yang rosak didapati dalam <strong style="mso-bidi-font-weight: normal;">Akta Jualan Barangan 1957 ("SOGA") dan <strong style="mso-bidi-font-weight: normal;">Akta Perlindungan Pengguna 1999 ("CPA"). <p class="MsoListParagraphCxSpMiddle" style="margin-bottom: .0001pt; mso-add-space: auto; line-height: normal; tab-stops: 45.8pt 91.6pt 137.4pt 183.2pt 229.0pt 274.8pt 320.6pt 366.4pt 412.2pt 458.0pt 503.8pt 549.6pt 595.4pt 641.2pt 687.0pt 732.8pt;"> </p> <strong style="mso-bidi-font-weight: normal;">Bahagian V dan VI (Seksyen 30 hingga 49) CPA mengandungi peruntukan yang memberikan jaminan tersirat berkenaan dengan barang pengguna dan menetapkan remedi yang tersedia kepada pengguna jika barangan tersebut tidak mematuhi mana-mana jaminan yang tersirat. <p class="MsoListParagraphCxSpMiddle" style="margin-bottom: .0001pt; mso-add-space: auto; line-height: normal; background: white;"> </p> Dalam undang-undang Malaysia, semua produk pengguna mempunyai jaminan secara automatik tanpa ditulis secara lisan. Jaminan ini disebut sebagai <em style="mso-bidi-font-style: normal;">implied warranty. Maksudnya semua produk pengguna yang dijual di negara ini perlu mempunyai kualiti yang berpatutan. Pengeluar, Pembuat dan Pengedar perlu memastikan produk yang dijual berkualiti dan boleh digunakan pada jangka masa yang munasabah. <p class="MsoListParagraphCxSpMiddle" style="text-align: justify;"> </p> Sekiranya pengedar dan pengeluar menafikan hak pengguna untuk menuntut pembaikan atau penggantian, tuan/puan boleh membuat aduan kepada NCCC atau boleh membawa kes ini ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. <p>◆</p> <p>SHABANA NASEER</p>